

10 OCT 1993

Sakaran Ketua Perhubungan UMNO Sabah

KUALA LUMPUR 9 Okt.
— Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai dilantik sebagai Ketua Perhubungan UMNO Sabah, yang dikosongkan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, pertantikan itu dibuat dengan sokongan sebulat suara oleh Majlis Tertinggi (MT) parti dan berkuatkuasa serta merta.

Sakaran, ialah Ketua UMNO Bahagian Sem-porna.

Dr. Mahathir mengumumkan perkara itu selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama hampir empat jam di ibu pejabat UMNO, di sini hari ini.

Jawatan tersebut kosong apabila pada 30 September lepas, Ghafar, yang juga Timbalan Presiden UMNO, mengumumkan perletakan jawatan sebagai pengerusi badan perhubungan UMNO Sabah dan pengerusi Barisan Nasional negeri itu setelah tidak mendapat sokongan dan kerjasama ketua-ketua bahagian di negeri itu.

Ghafar hanya mendapat satu pencalonan daripada keseluruhan 20 bahagian di Sabah untuk mempertahankan jawatan nombor dua parti pada perhimpunan agung parti bulan depan.

Pencalonan tunggal itu ialah dari bahagian Marudu yang diketuai oleh Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun, yang juga Menteri Hal Ehwal Sabah.

Sembilan belas bahagian lain, mencalonkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding jawatan Timbalan Presiden.

Dr. Mahathir juga berkata, mesyuarat MT juga menetapkan supaya perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita pada 3 November, dirasmikan oleh Timbalan Presiden UMNO.

“Cara ini mengikut tradisi... seperti biasa,” kata Perdana Menteri.

Sebelum ini, terdapat cadangan supaya perhimpunan serentak Pergerakan Pemuda dan Wanita dirasmikan oleh Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat atau oleh ketua pergerakan masing-masing.

Perdana Menteri juga memberitahu, pengiraan undi pada perhimpunan agung UMNO kali ini dilakukan dengan cara yang canggih, iaitu dengan komputer.